

# Perpaduan UMNO kukuh

UM 2 MAY 1986

tekanan daripada luar, biasanya ahli-ahli UMNO dan pemimpin - pemimpinnya merapatkan barisan dan bersama - sama menghadapi krisis dan semua krisis dapat diatasi."

Dalam wawancara khas yang disiarkan di muka depan akhbar *Merdeka* itu, Perdana Menteri juga me-

nyentuh mengenai pilihanraya umum, kemampuan UMNO mengekalkan perpaduan bangsa Melayu, semangat ahli - ahli UMNO dahulu dan sekarang dan adanya setengah wakil rakyat yang tidak menjalankan tugas mereka dengan sempurna.

Menurutnya, masalah sekarang ialah ramai yang memandang Keahlian dalam Dewan Undangan Negeri ataupun Parlimen sebagai satu status simbol yang tinggi dan juga satu punca pendapatan.

"Sekarang kita sedar bahawa ada jawatan - jawatan yang boleh memberi pendapatan yang lumayan kepada kita dan oleh kerana itu, setengah - setengah daripada kita begitu minat sekali untuk mendapat jawatan - jawatan ini kerana status dan juga pendapatan.

"Tetapi oleh kerana mereka lebih berminat kepada jawatan daripada tugas, maka terdapatlah setengah - setengah wakil rakyat yang telah dipilih tidak menjalankan tugas mereka dengan sempurna," ujarnya.

Mengenai persiapan

UMNO, khususnya Barisan Nasional dalam menghadapi pilihanraya umum, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata pada umumnya UMNO bersiap - sedia sekarang dan segala jentera parti telah disusun dan digerakkan untuk menghadapi pilihanraya umum pada bila - bila masa sahaja.

Beliau menarik perhatian bahawa UMNO sudah mahir dalam pengurusan pilihanraya di peringkat parti dan segala cara sudahpun disusun jauh lebih awal lagi.

"Ia (pilihanraya) merupakan perkara biasa yang mana telahpun kita tentukan cara - cara untuk menghadapinya. Oleh kerana itu agak mudah bagi UMNO untuk membuat segala persiapan."

Mengulas kemampuan parti mengekalkan prestasi cemerlang kali ini seperti yang dicapai dalam pilihanraya 1982, Perdana Menteri yakin prestasi yang cemerlang tetap tercapai walaupun mungkin tidaklah sebegitu baik seperti tahun 1982.

"Kita tentu sedar sejak

tahun 1982, negara kita telah terpaksa menghadapi bermacam - macam masalah hasil daripada tindakan - tindakan di luar daripada kuasa kita dan masalah ini melibatkan rakyat dan tentu ada rakyat yang kecewa, terutama mereka yang kehilangan punca pendapatan, yang *menganggur*, bahkan ada juga yang masih bekerja, tetapi ingin mendapat layanan yang lebih baik, tetapi tuntutan mereka tidak memberi hasil.

"Mungkin juga ada orang - orang yang percaya mereka dapat mengugut UMNO di waktu ini kerana kita menghadapi pilihanraya dan kalau kita tidak tunduk kepada ugutan mereka, maka mereka akan mengurangkan sokongan mereka kepada UMNO," tambahnya.

Namun demikian, katanya tindakan mereka tidak akan mempunyai kesan yang terlalu besar kepada UMNO dan beliau masih yakin UMNO dan BN akan mencapai prestasi yang cemerlang dalam pilihanraya akan datang.